

**NO.SOALAN : 311**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]**

**RUJUKAN : 9497**

**SOALAN :**

**Tuan Julian Tan Kok Ping[Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah serta pandangan kerajaan kenapakah perjudian haram masih berleluasa dikawasan Parlimen Kuching serta kawasan Parlimen Stampin mahupun mengikut pihak polis ianya dalam kawalan. Senaraikan jumlah tangkapan terhadap kedai-kedai yang terlibat dalam kawasan Parlimen Stampin serta Bandar Kuching semenjak 2014 hingga yang terkini.senaraikan juga tindakan yang telah diambil.**

## **JAWAPAN**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang berterusan untuk menangani masalah perjudian haram dalam negara. Di samping melaksanakan “operasi dadu” terhadap premis-premis perjudian, pihak polis turut memantau *modus operandi* baharu yang digunakan sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook, WeChat, WhatsApp*, melalui *Short Message Service (SMS)* dan juga melalui laman-laman *website* dalam Internet.**

**Kaedah yang digunakan adalah dengan menghantar SMS secara rambang kepada pemilik-pemilik nombor telefon untuk melayari *website* tertentu yang dibuat secara “*hyperlink*” dalam internet. Kebanyakan *website* ini mempamerkan wajah wanita cantik, berpakaian seksi dan juga menawarkan bonus berganda bagi menarik minat orang awam untuk berjudi.**

**Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan berkaitan aktiviti perjudian bagi Parlimen Stampin pada tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

PERKARA	2014			2015			2016		
	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG
MESIN BERKOMPUTER	83	112	(1286) RM22,291	112	411	(2158) RM29,721	12	24	(80) RM1,497
LOTERI AWAM TANPA LESEN	3	5	RM746	56	82	RM16,842	61	82	RM25,832
JUDI DALAM BANGUNAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUDI TEMPAT BEBAS	3	60	RM20	6	45	RM1,338	2	8	RM517
CATIT TARUH HARAM	1	1	RM50	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>90</b>	<b>178</b>	<b>(1286)</b> <b>RM23,107</b>	<b>174</b>	<b>538</b>	<b>(2158)</b> <b>RM47,901</b>	<b>75</b>	<b>114</b>	<b>(80)</b> <b>RM27,846</b>

Catatan : ( ) Jumlah Rampasan Mesin Komputer

**Statistik pertuduhan berkaitan aktiviti perjudian bagi Parlimen Stampin pada tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

PERKARA	2014		2015		2016	
	JUMLAH KES	TUDUH	JUMLAH KES	TUDUH	JUMLAH KES	TUDUH
MESIN KOMPUTER	83	54	112	93	12	3
LOTERI AWAM TANPA LESEN	3	0	56	26	61	0
JUDI DALAM BANGUNAN	0	0	0	0	0	0
JUDI TEMPAT BEBAS	3	1	6	5	2	0
JUDI TARUH HARAM	1	1	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>90</b>	<b>56</b>	<b>174</b>	<b>124</b>	<b>75</b>	<b>3</b>

**Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan berkaitan aktiviti perjudian bagi Parlimen Bandar Kuching pada tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

PERKARA	2014			2015			2016		
	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN KOMPUTER / WANG
MESIN KOMPUTER	176	267	(2116) RM20,511	111	436	(1991) RM16,499	11	85	(113) RM4,879
LOTERI AWAM TANPA LESEN	4	4	RM5,366	18	26	RM9,713	74	109	RM25,674
JUDI DALAM BANGUNAN	2	12	RM1,409	2	26	RM 2,136	0	0	0
JUDI TEMPAT BEBAS	7	47	RM 872	4	29	RM 1,116	3	16	RM 1,629
JUDI TARUH HARAM	6	9	RM 2,468	1	4	RM 5,093	4	6	RM 1,629
<b>JUMLAH</b>	<b>195</b>	<b>339</b>	<b>(2116)</b> <b>RM 30,626</b>	<b>136</b>	<b>521</b>	<b>(1991)</b> <b>RM 34,557</b>	<b>92</b>	<b>216</b>	<b>(113)</b> <b>RM 33,811</b>

Catatan : ( ) Jumlah Rampasan Mesin Komputer

**Statistik pertuduhan berkaitan aktiviti perjudian bagi Parlimen Bandar Kuching pada tahun 2014 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

PERKARA	2014		2015		2016	
	JUMLAH KES	TUDUH	JUMLAH KES	TUDUH	JUMLAH KES	TUDUH
MESIN KOMPUTER	176	168	111	108	11	7
LOTERI AWAM TANPA LESEN	4	2	18	15	74	17
JUDI DALAM BANGUNAN	2	2	2	2	0	0
JUDI TEMPAT BEBAS	7	7	4	4	3	2
JUDI TARUH HARAM	6	6	1	0	4	1
JUMLAH	195	185	136	129	92	27

**Dalam melaksanakan operasi terhadap pusat perjudian, pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan atas faktor-faktor seperti berikut:**

**i) Pelayan (server) Berada di Luar Negara.**

**Kegiatan ini sudah menjadi jenayah rentas sempadan di mana ianya melibatkan jaringan dengan laman web luar negara dan terdapat juga transaksi hasil pertaruhan disalurkan masuk dari luar negara. "Server" bagi laman-laman web perjudian ini biasanya dikesan berada di luar negara dengan menggunakan kata laluan yang berbeza dan menyukarkan pihak polis mendapatkan keterangan untuk pembuktian di mahkamah;**

## **ii) Penggunaan Alat Kawalan Jauh**

Dalam serbuan-serbuan kegiatan perjudian mesin komputer, pihak sindiket telah menggunakan alat kawalan jauh untuk menutup atau menukar laman perjudian kepada laman web sosial biasa dan memadam semua transaksi berkaitan perjudian walaupun pihak polis telah berjaya memasuki premis dan merampas komputer berkenaan. Keadaan ini menyukarkan pihak pakar judi untuk membuat analisa dan pihak forensik juga tidak dapat mengeluarkan semula data bagi membuktikan wujudnya unsur perjudian dalam komputer berkenaan;

## **iii) Penjaga Pusat Perjudian.**

Pihak sindiket kebiasaannya akan mengupah warganegara asing untuk menjaga pusat-pusat berkenaan yang hanya mengenali nama samaran pemilik premis berkenaan di samping nombor telefon yang digunakan pemilik premis ini didaftarkan atas nama warga asing menggunakan talian "*Prepaid*". Keadaan ini menyukarkan pihak polis menentukan pemilik sebenar untuk tujuan pendakwaan; dan

## **iv) Premis Perjudian**

Kebiasaannya premis perjudian ini mempunyai pintu besi yang berlapis dan dilengkapi dengan CCTV untuk menyukarkan pihak polis memasuki premis berkenaan dan hanya pelanggan yang dikenali atau "*regular*" sahaja dibenarkan memasuki premis. Pihak polis terpaksa menyamar sehingga menyakinkan penjaga premis sebagai pelanggan terlebih dahulu sebelum serbuan boleh dibuat.

**Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian, usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlu menghindari aktiviti tidak sihat ini yang mempertaruhkan nasib untuk mendapatkan keuntungan tanpa berusaha yang akhirnya boleh membawa kemudaratan seperti berhutang dan terlibat dalam perlakuan jenayah. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.**